



Pensijilan halal bersifat sukarela

Premis makanan terutama restoran atau hotel perlu mendapatkan logo halal yang diiktiraf untuk mendapat keyakinan pelanggan. Gambar hiasan.



HAKIMAH

Sinar 30/3/12 ms 2.



Isu logo halal menjadi isu hangat kini apabila kebanyakan pihak salah faham mengenai penguatkuasaan logo Halal Malaysia yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Baru-baru ini timbul pula laporan sebuah media berkenaan isu denda dan penjara jika gagal pameran Sijil Halal Jakim/Jabatan Agama Islam Negeri (Jain) yang turut dipetik oleh media cetak dan elektronik tempatan.

Pengarah Bahagian Hab Halal Jakim, Hakimah Mohd Yusoff berkata, timbul kekeliruan tersebut memberi persepsi seolah-olah Jakim mewajibkan pensijilan dan penggunaan logo Halal Malaysia kepada semua premis makanan di negara ini.

Menurutnya, Jakim suka menegaskan bahawa pensijilan Halal Malaysia oleh Jakim dan Majlis Agama Islam Negeri (Main)/Jain adalah bersifat sukarela. Bagaimanapun, mempamerkan logo halal atau sebarang perbahasan atau ungkapan halal di premis restoran dan seumpamanya hendaklah dibuktikan dengan pensijilan Halal Malaysia oleh Jakim/Main/Jain sebagai satu bentuk perakuan yang diiktiraf undang-undang.

Ini adalah selaras dengan kehendak dan keperluan perundangan yang dijelaskan oleh Akta Perihal Dagangan 2011 melalui perenggan 4 (1) dan (2) Perintah Perihal (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 yang lalu.

Mempamerkan logo halal dan sebarang penandaan halal yang tidak dapat dibuktikan dengan pensijilan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib seterusnya diiktiraf oleh undang-undang ini; iaitu Jakim/Main/Jain, adalah merupakan satu kesalahan.

Tindakan sedemikian adalah disifatkan suatu kesalahan memperdayakan dan mengelirukan pengguna. Ini adalah selaras

dengan perenggan 4 (1), (2) dan (3) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2012 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012.

"Oleh itu, isu Jakim/Main/Jain mewajibkan semua premis mempamerkan sijil dan logo halal bagi premis restoran yang tidak mempunyai pensijilan Halal Malaysia adalah tidak berbangkit.

"Sukacita Jakim juga ingin menjelaskan bahawa tiada paksaan dalam permohonan pensijilan Halal Malaysia," ujar Hakimah.

Ungkapan halal

Beliau berkata, Jakim menasihati pihak pengusaha premis makanan yang tidak mempunyai pensijilan Halal Malaysia oleh Jakim/Main/Jain agar tidak mempamerkan atau menggunakan sebarang logo atau penandaan atau ungkapan berkaitan halal seperti ditanggung halal atau makanan orang Islam dan seumpamanya di premis mereka. Perbuatan tersebut adalah kesalahan di bawah perundangan yang dijelaskan di atas. Jakim menyarankan dan menggalakkan pengusaha premis makanan memohon pensijilan Halal Malaysia dengan pihak berkuasa berwajib di peringkat Persekutuan (Jakim) atau di peringkat negeri.

"Pensijilan Halal Malaysia yang dimiliki pengusaha premis makanan ini menjadi suatu bentuk pengesahan yang diiktiraf undang-undang bahawa makanan dan minuman berserta bahan mentah/ bahan ramuan, peralatan penyediaan makanan serta perkhidmatan premis makanan itu dapat disahkan kehalalannya. "Ini selaras dengan keperluan prinsip halal toyyiban berdasarkan keperluan *Standard Halal Malaysia MS1500: 2009*. Malah premis berkenaan juga akan turut diperakui telah menepati aspek kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan berdasarkan standard tersebut," katanya.

Demi keyakinan
pengguna,
pengiktirafan
daripada Jakim/
Main/Jain tetap
diperlukan



Logo halal yang diiktiraf Jakim.



Logo halal mengikut negeri.

Pengguna berasa yakin

Pengguna berasa lebih yakin terhadap logo halal yang dipamerkan pengusaha premis setelah mendapat jaminan pihak berkuasa berhubung status kehalalan dan keselamatan makanan dan perkhidmatan yang disediakan. Justeru kebajikan pengguna akan sentiasa terpelihara oleh perundangan ini.

Hakimah berkata, pada masa sama, pihak pemilik dan pengusaha premis makanan akan mendapat faedahnya yang tersendiri.

"Berdasarkan persetujuan Jakim dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) agar

gerak kerja pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan Halal Malaysia kepada premis makanan dilaksanakan secara berperingkat.

"Buat masa ini Jakim masih dalam proses memberikan pendidikan dan nasihat kepada pengusaha dan pemilik premis," ujarnya.

Beliau menambah, pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan secara berperingkat kepada premis makanan itu juga akan memberi peluang dan masa yang secukupnya kepada semua pengusaha premis makanan dalam melaksanakan perubahan dan mendapatkan pensijilan Halal Malaysia sewajarnya selaras dengan keperluan undang-undang berkenaan.

Takrifan Logo Halal:

Logo halal bermaksud logo yang dikeluarkan oleh Jakim/Jain/Main dan mengandungi:

Logo Halal Jakim:

- Bintang berbucu lapan di tengah-tengah bulatan.
- Perkataan Arab di tengah bintang.
- Diiikuti tulisan rumi "HALAL".
- Bulatan logo tertulis perkataan "Malaysia" dalam tulisan rumi.
- Dua bintang kecil berbucu lima diletakkan bagi memisahkan tulisan

rumi dan perkataan Arab tersebut.

Logo halal Jain/Main:

- Di bawah tulisan rumi "HALAL" terdapat kod pendaftaran logo halal bagi negeri:
 - Huruf "H" yang bermaksud Halal
 - Nombor kod negeri mengikut Jabatan Pendaftaran Negara
- Contoh : H-10
- 'H' Bermaksud Halal
 - '10' melambangkan kod pendaftaran negeri Selangor

INFO

Jakim realisasikan perpustakaan masjid

Sinar 30/3/12 MS 3.

NOOR AINULYAKIN MOHAMAD ISHAK
noor.ainulyakin@sinarharian.com.my

Sejarah menunjukkan bahawa perkembangan perpustakaan masjid bukan satu fenomena asing dalam tradisi keilmuan Islam. Menyingkap perkembangan awal sejarah tamadun Islam, khususnya dalam pemerintahan Bani Umayyah dan Abbasiyah, perpustakaan masjid memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan ilmu dan tamadun Islam.

Hampir semua universiti dunia Islam juga telah lahir daripada perpustakaan masjid, termasuklah universiti al-Azhar di Mesir. Ini menjadi tanggungjawab pihak kerajaan dalam membina tamadun ummah ini dengan menjadikan masjid bukan sekadar tempat beriadah, namun harus diperluaskan skop yang lebih besar merangkumi semua aspek pengurusan kehidupan dari semasa ke semasa.

Justeru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) buat julung kalinya mengadakan Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012 di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) untuk menjadikan perpustakaan masjid diimarahkan di negara ini, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, persidangan tersebut diadakan kerana belum pernah lagi pihak Jakim mengadakan persidangan yang khusus seumpama itu. Hakikatnya memang banyak perancangan dan program Jakim untuk memartabatkan institusi masjid, sama ada daripada dasar Jakim sendiri atau kerjasama dengan pihak lain.

Menurutnya, perbincangan mengenai perpustakaan masjid ini pernah dibincangkan dalam Konvensyen Pengurusan Masjid peringkat negeri Sabah yang diadakan pada Disember 1995.

"Saya melihat amat wajar perpustakaan itu diimplementasikan secara sistematik di masjid-masjid seluruh Malaysia.

"Sesungguhnya persidangan kali ini bukan sahaja untuk kita capai kata sepakat atau membuat keputusan akan tetapi ia dapat

sebuah institut yang melaksanakan tadbir urus masjid dengan berkesan melalui perkhidmatan, pendidikan dan pusat rujukan.

"Institusi masjid dapat mempamerkan ciri-ciri unggul dalam semua aspek termasuklah daripada segi kebersihan dan penyelenggaraan, khidmat layanan kepada pengunjung dan penyediaan maklumat terkini.

"Mudah-mudahan ia menjadi titik permulaan bagi menjadikan

masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun ummah," ujarnya.

Jakim sentiasa menggunakan pendekatan perkongsian hasrat dan persefahaman bersama mana-mana pihak dalam apa jua program untuk memperkasakan dan menginovasi fungsi masjid sebagai ikon pengurusan Islam serta pusat pembangunan ummah.

"Tanpa kerjasama seumpama ini,



OTHMAN

mustahil segala misi dalam mengimarahkan masjid berjalan lancar. Jakim sentiasa berusaha untuk mewujudkan institusi masjid yang unggul dengan memperkenalkan Standard Penarafan Masjid Malaysia.

"Terdapat empat komponen utama yang digariskan dalam standard ini meliputi aspek pengurusan, pengimarahkan, kemudahan prasarana dan persekitaran. Sistem ini bertujuan untuk menilai fungsi dan peranan masjid seluruh negara," katanya.

Perlukan perubahan

Othman berkata, berdasarkan kepada pemerhatian didapati perpustakaan yang ada di masjid pada masa ini hanya sekadar bersifat bilik bacaan, tanpa dilengkapi dengan peralatan yang lengkap dan buku terkini.

"Mengikut laporan artikel *Library Journal* oleh Renee Feinberg

mendapati remaja pada hari ini lebih gemar mengunjungi kedai buku daripada perpustakaan.

"Ini kerana, di kedai mempunyai buku terkini, lebih khusus, koleksi banyak dan mencukupi," jelasnya.

Bagi menjadikan perpustakaan masjid diminati, maka sewajarnya suasana perpustakaan perlukan perubahan, perlu dilengkapi dengan segala kemudahan.

"Seperti kemudahan komputer, teknologi komunikasi maklumat dan pelbagai jenis buku yang terkini di samping susunan rapi di tempat bersesuaian.

"Lokasi perpustakaan juga perlu dititikberatkan di persekitaran masjid agar ia mudah untuk dikunjungi," katanya.



Universiti al-Azhar antara pusat ilmu yang bermula dari perpustakaan masjid.
- Sumber internet

Tingkatkan fungsi masjid sebagai pusat ilmu



bertukar-tukar fikiran bagi mencetuskan idea baru serta mencari pendekatan terkini yang lebih efektif untuk menjadikan masjid sebagai pusat ilmu, tamadun dan perkembangan ummah," katanya.

Tumpuan utama

Othman berkata, Jakim sentiasa meletakkan pengurusan masjid sebagai satu aspek pengurusan hal ehwal Islam dan agenda pembangunan ummah.

"Bahkan tadbir urus institusi masjid diletakkan sebagai perkara kedua dalam senarai 10 agenda kritikal yang diberi tumpuan utama.

"Keutamaan Jakim melihat masjid berperanan sebagai tempat ibadat, pusat ilmu, budaya dan tamadun Islam, pusat keajaifan serta menjadi syiar kepada kemuliaan Islam," jelasnya.

Bagi merealisasikan harapan tersebut kata Othman, masjid dirancang supaya menjadi



Jadikan perpustakaan masjid setanding perpustakaan lain. - Gambar hiasan



Masjid Negara antara yang memiliki perpustakaan sendiri.

INFO
Statistik menunjukkan sehingga kini sebanyak 6,119 masjid dibina di seluruh negara sama ada di bawah peruntukan kerajaan persekutuan atau negeri. Bagaimanapun daripada 180 perpustakaan Islam yang disenaraikan, terdapat 64 perpustakaan masjid.

(Kajian oleh: Balqis Shuja' Islamic Librarianship and Malaysian Islamic libraries, 2011).